“Namun untuk membolehkan Kerajaan Sarawak menunaikan kewajipan dan tanggungjawab ini, saya percaya autonomi pendidikan khususnya dari segi syarat kemasukan sekolah tersebut boleh diturunkan kepada Kerajaan Sarawak atas dasar budaya dan kedudukan lokaliti yang amat berbeza dengan Semenanjung Malaysia.”

Chiew Choon Man  
Ahli Parlimen Miri

Sarawak untuk melindungi hak asasi manusia dalam kes kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan hak pendidikan di Sarawak.

“Namun untuk membolehkan Kerajaan Sarawak menunaikan kewajipan dan tanggungjawab ini, saya percaya autonomi

pendidikan khususnya dari segi syarat kemasukan sekolah tersebut boleh diturunkan kepada Kerajaan Sarawak atas dasar budaya dan kedudukan lokaliti yang amat berbeza dengan Semenanjung Malaysia,” katanya.

“Dengan ini, kita dapat menggerakkan ketua-ketua kaum dan pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan untuk membantu mengesahkan identiti dan memastikan bahawa tiada sesiapa pun akan tertinggal di belakang dari segi pendidikan, terutama penduduk yang hidup dalam kemiskinan yang paling memerlukan pendidikan untuk mengeluarkan mereka daripada belunggu itu.

“Jangan disebabkan

kecuaiian atau kekurangan kesedaran ibu bapa, anak-anak pula yang dihukum oleh sistem kita dengan menafikan hak mereka untuk mendapat pendidikan,” tegas beliau.

Chiew ketika membahaskan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM di Dewan Rakyat semalam, memberitahu terdapat ramai kanak-kanak terutama di kawasan luar bandar Sarawak yang tidak dapat bersekolah kerana tidak mempunyai dokumen warganegara yang lengkap.


Beliau memberitahu, dalam sesetengah kes proses mendapatkan kewarganegaraan sudah tentu lebih sukar dan rumit berbanding kita semua di sini yang memperoleh melalui penguatkuasaan

undang-undang. Keadaan bertambah teruk lagi akibat daripada kedudukan geografi dan kekurangan tahap pendidikan dan kesedaran ibu bapa.

“Saya percaya ramai lagi kes-kes seperti yang saya nyatakan tadi di pedalaman Sarawak dan Sabah.

“Saya memohon Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menerangkan berapa kes yang telah berjaya diselesaikan setakat ini dan terdapat berapa jumlah keseluruhan yang masih tertunggak.

“KDN juga perlu memperjelaskan tempoh masa perancangan mereka untuk menyelesaikan tunggakan-tunggakan kes dalam masa lima tahun ini,” tambahnya.



TAJUK : DIGNITY FOR CHILDREN MENANG ANUGERAH MUHIBBAH BAGI JUN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 15 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Dignity for Children menang Anugerah Muhibbah bagi Jun

**KUALA LUMPUR:** Usaha Yayasan Dignity for Children membantu 15,000 kanak-kanak sepanjang 25 tahun penubuhannya telah memengaruhi hati pengarang media selaku juri bagi Anugerah Muhibbah Kelab Akhbar Kebangsaan Malaysia-MACROKIOSK.

Mereka memilih Badan Bukan Kerajaan (NGO) ini sebagai pemenang bulan bagi bulan Jun bagi mengiktiraf usaha mereka dalam menyediakan penjagaan holistik, pendidikan dan latihan praktikal, serta kemahiran perniagaan untuk kanak-kanak miskin bandar di Kuala Lumpur (KL) dan Selangor.

Presiden Kelab Akhbar Kebangsaan Malaysia (NPC) Datuk Ahirudin Attan, semasa menyampaikan anugerah itu, berkata NPC berharap dapat menyemarakkan semula semangat Muhibbah dan membantu mewujudkan

Malaysia yang lebih kukuh, berdaya tahan dan bersatu.

"Kejayaan merealisasikan matlamat ini adalah tanggungjawab seluruh warga di negara kita, dan ia bermula dengan memupuk semangat itu dalam golongan muda kita.

"Malaysia Muhibbah yang sebenar hanya boleh dicapai melalui usaha kolektif kita bersama, baik di sini dan seterusnya.

"Pemenang bulan ini wajar menerima anugerah tersebut kerana para juri mengiktiraf dan menghargai usaha mereka dalam memupuk semangat muhibbah dan nilai persahabatan tanpa mengira kaum, agama atau kewarganegaraan.

"Yayasan Dignity for Children juga telah membantu kanak-kanak bukan warganegara yang memerlukan. Inilah semangat muhibbah yang kami iktiraf dan galakkan," katanya.

NPC, bersama-sama penyedia platform penyelesaian perusahaan MACROKIOSK, melancarkan siri anugerah bulanan pada April lalu untuk mengiktiraf mana-mana individu, kumpulan atau organisasi yang terbaik dalam menunjukkan semangat sebenar muhibbah di Malaysia. Kumpulan pengarang media secara giliran akan menilai calon bagi anugerah tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif MACROKIOSK Dato' Kenny Goh, dalam ucapan tahniah kepada pemenang, berkata usaha NGO itu untuk memutuskan kitaran kemiskinan melalui pendidikan transformatif telah mengagumkan para juri kerana ia sememangnya berjaya muhibbah.

"Kami berharap anugerah ini akan terus memberi inspirasi kepada orang lain, serta memberi impak kepada generasi akan datang, untuk terus menjiwai muhibbah

sebagai cara hidup Malaysia kita," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama Yayasan Dignity for Children, Petrina Shee, dalam ucapan terima kasih kepada NPC dan MACROKIOSK atas penganugerahan itu, berkata ia diterima tepat pada waktunya memandangkan NGO itu kini menandakan tahun operasinya yang ke-25.

"Anugerah ini pastinya menjadi motivasi kepada kami kelak apabila berhadapan dengan cabaran dalam melaksanakan pelbagai program latihan pendidikan dan vokasional, melalui lain-lain program intervensi dan sokongan untuk pelajar kami," katanya.

Dari awal penubuhannya yang sederhana pada tahun 1998, apabila mereka hanya menyewa satu tingkat di Bangunan Sentul Raya Boulevard, Dignity kini berada di beberapa blok di kawasan

yang sama.

Pada peringkat awal, kanak-kanak di Dignity kebanyakannya adalah dari Sentul namun mereka kini turut datang dari Cheras dan sejauh Kota Damansara, di mana bas disewa untuk mengambil dan menjemput mereka.

Kini, Dignity adalah pusat pembelajaran bagi 2,300 kanak-kanak berusia dua hingga 18 tahun. NGO tersebut menyediakan khidmat penjagaan dan pendidikan yang holistik bagi kanak-kanak miskin bandar dan kurang berkemampuan di KL

melalui dua laluan: akademik - dari prasekolah (Montessori) ke sekolah rendah dan menengah sehingga ke Cambridge IGCSE (Tingkatan 5) atau kelayakan vokasional (perusahaan transformasi dalam bidang makanan, jahitan, dandan rambut, pertanian dan lain-lain). Pada 30 September ini,



**TERBAIK:** (Dari kiri) Pengasas bersama dan CEO Dignity Petrina Shee bersama Ahirudin, Elisha Satvinder, Kenny Goh dan Henry Goh pada majlis penyampaian anugerah itu.

Dignity akan mengadakan majlis makan malam di Pusat Konvensyen HGH untuk mengumpul dana sebanyak RM2.5 juta bagi menyokong perbelanjaan 2,500 pelajar pada tahun depan.

"Kami berharap supaya lebih ramai tampil ke hadapan dalam membantu kami menambah baik kehidupan kanak-kanak ini yang berhak

mendapat masa depan yang lebih cerah," kata Petrina.

Anugerah Muhibbah NPC-MACROKIOSK membawa hadiah wang tunai sebanyak RM2,000, sijil dan bucar daripada jenama teh gaya hidup serantau terkemuka Tealive, jenama pasaran segar gaya hidup terkemuka Jaya Grocer dan jenama yoghurt asli terkenal Ilaollo.



TAJUK :	EMPAT TERSELAMAT DALAM KEBAKARAN DI SEBUAH HOTEL DI JB		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	15 JUN 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

## Empat terselamat dalam kebakaran di sebuah hotel di JB


**JOHOR BAHRU:** Empat individu termasuk seorang kanak-kanak terselamat dalam kebakaran di sebuah hotel di Jalan Harmonium, Taman Desa Tebrau, di sini, malam kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Johor Jaya Penolong Kanan Penguasa Bomba Saiful Bahari Safar berkata, seramai 18 anggota daripada BBP Johor Jaya dan Tebrau digegaskan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan pada jam 9 malam.

Beliau berkata sejurus tiba, pasukan bomba mendapati dua wanita dan seorang lelaki berusia antara 37 hingga 55 tahun serta seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun, berada di dalam hotel itu.

“Pasukan bomba berjaya mengeluarkan kesemua mangsa dari bangunan itu. Dua daripadanya mengalami sesak nafas dan diberikan rawatan awal sebelum dihantar ke Hospital Sultan Ismail,” katanya.

Katanya, kebakaran di bangunan setinggi lapan tingkat itu melibatkan sebuah stor di tingkat satu dan kebakaran yang memusnahkan lima peratus daripada keseluruhan bangunan itu berjaya dipadam sepenuhnya pada 1.10 pagi semalam. — Bernama



TAJUK :	FPP, PERKAS DAN BVM ANJUR ECCE CAMP, PERKASA PROGRAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	15 JUN 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## FPP, PERKAS dan BCM anjur ECCE CAMP, perkasa program pendidikan awal kanak-kanak

**KOTAKINABALU:** Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Persatuan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Sabah (PERKAS) menganjurkan Program Early Childhood Care and Education (ECCE) Camp di Minakit Retreat Bundu Paka, Kota Belud, baru-baru ini.

Program yang diadakan dengan kerjasama syarikat BCM Edu Consultant itu disertai lebih 30 pelajar jurusan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di UMS dan juga guru-guru tadika swasta.

Dekan FPP UMS, Profesor Dr. Murnizam Hj Halik berkata, penganjuran program itu antara lain bagi memberi pendedahan tentang keperluan dan kehendak industri pendidikan dan penjagaan kanak-kanak sekitar negeri



**ALBUM:** Sebahagian peserta ECCE Camp merakam gambar kenangan di Minakit Retreat.

Sabah pada masa kini.

“Program ini juga bertujuan melahirkan guru yang berilmu, berketerampilan, berdaya tahan, mengamalkan nilai-nilai positif dan gaya hidup sihat selaras dengan prinsip Rukun Negara serta Falsafah Pendidikan Guru.

“Ia juga seiring dengan

hasrat membangkitkan roh dan jiwa guru sejajar dengan tema sambutan hari guru tahun 2023 iaitu Guru Insani Pemangkin Generasi Madani,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Dr. Murnizam turut menyuarkan harapan agar pelaksanaan program itu

memberi peluang kepada para pelajar untuk memahami realiti persekitaran dan sentiasa bersikap responsif sebagai persediaan apabila memasuki dunia pekerjaan sebenar kelak.

“Melalui program ini, para peserta boleh mengaplikasikan segala ilmu dan ke-

mahiran yang telah ditimba di universiti, selain didedahkan dengan keupayaan membina kemahiran berfikir aras tinggi dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

“Para pelajar juga memamerkan daya ketahanan dan kekuatan jasmani, emosi, rohani dan sosial serta mempraktikkan semangat berpasukan yang tinggi sekaligus menunjukkan kecaknaan terhadap kepentingan perkhidmatan kepada komuniti.


“Secara optimisnya, program seumpama ini dilihat mampu membangunkan potensi diri peserta dengan menilai kesesuaian ciri personaliti sendiri dan kerjaya dalam bidang keguruan,” tambahnya lagi.

Sementara itu, seorang peserta Ahmad Nor Syakirin Bahak Udin meluahkan

rasa gembira sepanjang tiga hari mengikuti program tersebut.

“Saya memperoleh pengetahuan dan pengalaman baharu dari segi pemasaran digital untuk tadika yang disampaikan Nur Kamal Moong dari Mamam Digital, selain memperoleh kemahiran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang dikongsikan oleh Dr. Connie Shin @Connie Cassy Ompok dari UMS.

“Pengasas TKC Education, Eny Zaniza Yasir juga memberikan input penting kepada kami terutama dalam kemahiran komunikasi kanak-kanak dan pengurusan kelas, selain aspek pengurusan kewangan yang dikongsikan oleh Presiden PERKAS, Fatimah Mohd Yasin,” katanya.



TAJUK : KOLEJ UNIVERSITI i-CATS JALIN KERJASAMA DENGAN LIMA INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 15 JUN 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



**UNTUK ALBUM:** Fatimah (duduk, tengah) bersama Shahren (duduk, tiga kiri) merakam kenangan bersama pengusaha-pengusaha lima institusi pendidikan awal kanak-kanak yang menandatangani MoU dengan Kolej Universiti i-CATS semalam. — Gambar Roystah Emmer

## Kolej Universiti i-CATS jalin kerjasama dengan lima institusi pendidikan awal kanak-kanak

**KUCHING:** Kolej Universiti i-CATS menjalinkan kerjasama dengan lima institusi pendidikan awal kanak-kanak terkemuka di sini sebagai titik mula inisiatif-inisiatif inovatif, penyelidikan berkesan dan peningkatan berterusan pendidikan awal kanak-kanak di negeri ini.

Lima institusi pendidikan awal kanak-kanak itu ialah SeDidik Sdn Bhd, Taska Cahaya Horizons, Tadika Cilik Cemerlang, Taska Intan Syuhada dan Taska Pondok Ilmu.

Kerjasama itu terjalin susulan termeterainya perjanjian persefahaman (MoU) antara Kolej Universiti i-CATS dengan lima institusi berkenaan di sini, semalam bagi menyediakan latihan praktikal untuk pelajar yang mengikuti program diploma dan Ijazah Sarjana Muda Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) kolej universiti berkenaan.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Fatimah dalam ucapan perasmianya mengucapkan tahniah kepada Kolej Universiti

i-CATS kerana menawarkan kursus diploma dan ijazah sarjana muda dalam ECCE secara sepenuh masa atau separuh masa.

“Mod pengajian sepenuh masa memberi peluang kepada lepasan SPM, STPM dan diploma untuk menyambung pelajaran manakala mod separuh masa penting untuk pendidik sedia ada memperoleh kelayakan diploma dan ijazah sarjana muda ECCE tanpa meninggalkan stesen dan anak-anak di bawah jagaan mereka.

“Dengan cara itu, usahawan tidak akan berdepan dengan masalah kakitangan dan perlu sentiasa mencari kakitangan ganti,” tambahnya.

Fatimah juga berkata, beliau gembira melihat SeDidik yang merupakan institusi pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak di bawah kementeriannya, turut terlibat dalam menandatangani MoU dengan Kolej Universiti i-CATS.

Ini kerana ujarinya, SeDidik yang mempunyai 100 pusat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak di seluruh negeri, menyediakan pusat terbanyak penempatan pelajar

menjalankan latihan praktikal di seluruh Sarawak.

Sementara itu Naib Canselor Kolej Universiti i-CATS Profesor Dr Shahren Ahmad Zaidi Adruce berkata, MoU itu melambangkan komitmen bersama untuk memajukan pendidikan awal kanak-kanak dan membina hubungan kerjasama yang kukuh antara Kolej dan institusi-institusi berkenaan.

Menurutnya kerjasama itu seiring dengan misi i-CATS iaitu menghasilkan graduan kompeten dilengkapi dengan pengetahuan akademik, kemahiran praktikal dan nilai sahsiah yang tinggi.

Beliau berkata melalui MoU itu, kedua-dua pihak bermatlamat meningkatkan kualiti pendidikan dan penjagaan yang diberikan kepada kanak-kanak serta memastikan perediaan mereka untuk masa depan yang berjaya.


MoU itu tambahnya akan menjadi asas bagi inisiatif bersama, pertukaran pengetahuan dan peluang pembangunan profesional untuk pelajar bidang penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak dan pendidik di pusat-pusat ini.

“Kerjasama dengan pusat-

pusat penjagaan kanak-kanak dan tadika akan memberikan pelajar peluang praktikal yang bermakna, membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam situasi sebenar serta memperoleh pengalaman praktikal yang berharga dalam mengurus dan mendidik kanak-kanak,” katanya.

Kerjasama itu juga katanya, berfungsi sebagai platform penting bagi pelajar penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai keperluan dan keinginan kanak-kanak serta pengalaman praktikal dalam menyediakan pendidikan awal berkualiti tinggi.

Hadir sama Pengurus Besar Sedidik Sdn Bhd Ayub Dahari, Pengusaha Taska Cahaya Horizons Ng Lee Boon, Pengusaha Taska Pondok Ilmu Irene Tan, Pengusaha Tadika Intan Syuhada Juiteer Abang, Pengusaha Taska Cilik Cemerlang Hanania Abdullah dan Ketua Bahagian Pembangunan Awal Kanak-Kanak Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Komuniti Salina Bujang.



TAJUK :	KPWK TERUS JALIN KERJASAMA PROGRAM INTERVENSI ISU SOSIAL DENGAN NGO		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	15 JUN 2023	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## KPWK terus jalin kerjasama program intervensi isu sosial dengan NGO

MIRI: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) akan terus menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam pelbagai program intervensi bagi menangani isu sosial di Sarawak.

Setiausaha Eksekutif Majlis Pembangunan Sosial Sarawak Dr Zufar Yadi Brendan Abdullah berkata, kementerian menyediakan bantuan kewangan kepada NGO tersebut untuk melaksanakan projek komuniti mereka.

Tanpa mendedahkan jumlah yang dibelanjakan Dr Zufar berkata, antara projek yang disokong kementerian berkenaan ialah program 'No Child Left Behind', salah satu inisiatif di bawah Engineers Without Borders Malaysia Sarawak (EWBMS).

"Projek ini menyediakan unit pengkomputeran dan pendedahan kepada atur cara atau pendigitalan melalui bengkel untuk pelajar yang kurang berkemampuan.

"Program intervensi untuk menangani masalah masyarakat ini pastinya dapat memberi inspirasi kepada mereka untuk mempunyai halatujubaharuselaras dengan matlamat pembangunan Sarawak seperti menjadi hab menghasilkan ciptaan automatik dan produk baharu seperti hidrogen bagi menggantikan petrol untuk kenderaan," jelasnya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutupan bengkel projek EWBMS



UNTUK ALBUM: (Duduk dari lima kiri) Dr Zufar, Faizul dan Sanjiv bergambar bersama para peserta dan pelatih TEGAS dan sukarelawan pada bengkel 'No Child Left Behind' baru-baru ini.

'No Child Left Behind' di sini, Sabtu lalu.

Hadir sama ialah Pengasas dan Presiden Engineers Without Borders Malaysia Sanjiv Indran, Presiden EWBMS merangkap Pengarah Projek 'No Child Left Behind' Faizul Zurami dan Pengurus (Acara dan Program Komuniti) Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS) Syukri Arabi.

Terdahulu Faizul dalam ucapannya memberitahu, beliau berterima kasih kepada kementerian dan TEGAS kerana telah memberi sokongan terhadap projek berkenaan yang merupakan kali ketiga dilaksanakan di Sarawak.

Projek itu katanya, telah memberi manfaat kepada 20 pelajar yang memerlukan di mana 16 pelajar adalah daripada PERYATIM dan empat lagi pelajar yang dipilih

melalui ahli Majlis Bandaraya Miri.

"Mereka masing-masing dibekalkan dengan komputer riba dan TEGAS menyediakan tempat serta jurulatih untuk modul 'Creative Design and Presentation with Canvas', pengenalan kepada Arduino Programming dan demonstrasi pencetakan 3D," katanya.

Tegas Faizul, modul berkenaan penting yang boleh digunakan pelajar pada kemudian hari bagi membuat pembentangan untuk projek atau kerja kursus di sekolah atau di universiti.


Menurutnya, sesi 'Train the Trainer' telah dianjurkan untuk membimbing sembilan sukarelawan daripada pelbagai latar belakang supaya mereka dapat membiasakan diri dengan modul dan membolehkan mereka membantu pelajar semasa bengkel.

Sementara itu, Sanjiv dalam ucapan aluannya berkata, bengkel yang dilaksanakan di Miri itu merupakan projek ketiga diadakan di Sarawak yang dibentuk pada tahun 2020 untuk meningkatkan kapasiti organisasi EWBMS.

"Antara projek lain ialah penjana mikrohidro di Kampung Sapit, membina tandas baharu di kampung Penan dekat Miri dan memasang panel solar di Kampung Nyabor," katanya.

Ujar Sanjiv, sebagai badan bukan mencari keuntungan, dana untuk projek itu diperoleh daripada kementerian berkaitan dan sektor swasta.

Justeru beliau berharap pembiayaan tersebut akan berterusan untuk membolehkan lebih ramai masyarakat kurang berkemampuan mendapat manfaat daripada projek-projek berkenaan.



TAJUK : LELAKI DILEPAS DAN DIBEBAS DARIPADA PERTUDUHAN AMANG SEKSUAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 15 JUN 2023

M/SURAT : 01&02

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## Lelaki dilepas dan dibebas daripada pertuduhan amang seksual



**BERNASIBBAIK:** Tertuduh (kiri) bercakap dengan Steven (tengah) dan Gerald semasa berada di hadapan kamar mahkamah di Kuching, semalam.

**KUCHING:** Mahkamah Sesyen di sini melepas dan membebaskan seorang lelaki berusia 50 tahun daripada lima pertuduhan melakukan amang seksual terhadap tiga anak tirinya yang masing-masing berusia 17, 16 dan 12 tahun.

Keputusan itu dibuat oleh empat Hakim Mahkamah Sesyen berasingan iaitu Hakim Musli Abdul Hamid, Hakim Afidah Abdul Rahman, Hakim Maris Agan dan Hakim Mohd Taufik Mohd@Mohd Yusoff terhadap lelaki bekerja sendiri berkenaan dalam prosiding kes semalam.

Dalam membuat keputusan tersebut, mahkamah mendengar keterangan pihak pendakwaan dan mengambil kira keterangan mangsa-mangsa iaitu dua remaja perempuan dan seorang kanak-kanak lelaki yang terlibat dalam kes ini.

Mahkamah antara lainnya mendapati tiada kes prima facie ditimbulkan oleh pihak pendakwaan, selain mendengar keterangan mangsa-mangsa yang memaklumkan mahkamah bahawa mereka tidak mahu meneruskan kes itu.

Lelaki itu berhadapan tiga

pertuduhan yang dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta yang sama, dibaca bersama Seksyen 16 akta yang sama.

Sementara dua lagi pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 14(b) SOACA 2017, boleh dihukum di bawah Seksyen 14 akta yang sama dan dibaca bersama Seksyen 16 akta yang sama.

Seksyen 14 SOACA 2017 memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun

dan boleh disebat sementara Seksyen 16 SOACA 2017 membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan boleh disebat tidak kurang daripada dua sebatan jika sabit kesalahan.

Mengikut kesemua pertuduhan, dia didakwa melakukan serangan seksual fizikal untuk tujuan seksual terhadap kesemua mangsa dalam beberapa kejadian berasingan iaitu pada 2017, 2019 dan pada Februari 2023 (tiga kejadian).


Utusan Borneo

Lelaki dilepas dan dibebas daripada pertuduhan amang seksual

[▶ Dari Muka 1](#)

Kesalahan itu didakwa dilakukannya di beberapa tempat termasuk di dua rumah berasingan terletak di Petra Jaya di sini dan di dalam sebuah kereta kompak juga diletakkan di sekitar jalan di kawasan tersebut.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Fauzan Zamri sementara tertuduh diwakili peguam Steven Betti dan Gerald Donald.



TAJUK :	PBSM MIRI SANTUNI DUA KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	15 JUN 2023	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## PBSM Miri santuni dua keluarga kurang berkemampuan

MIRI: Jawatankuasa Kecil Kebajikan, Kesihatan dan Komuniti (JKKK) Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Cawangan Miri menyantuni dua keluarga kurang berkemampuan di sini, kelmarin.

Pengerusinya Dr Uma Devi berkata, bantuan disalurkan kepada sebuah keluarga daif di Rumah Jarek, Sungai Ukong, Kampung Tunku Abdul Rahman, Lambir dan pesakit buah pinggang dari Kampung Lusut.

Beliau pada masa sama menyampaikan ceramah ringkas yang merangkumi topik bahaya plastik, kepentingan kebersihan dan makanan sihat untuk mendidik ahli keluarga.

Semasa lawatan itu, pasukan itu turut membawa bersama bekas makanan keluli tahan karat untuk diagihkan

kepada ahli keluarga sebagai sebahagian daripada latihan untuk menekankan bahaya bekas plastik.


Bekas makanan keluli tahan karat ini disumbangkan sekumpulan penderma yang tidak mahu dikenali dan PBSM Cawangan Miri ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada mereka.

Lawatan sebegini katanya, akan dianjurkan dari semasa ke semasa dan pihaknya berharap lebih ramai sukarelawan yang boleh tampil ke hadapan menyertai mereka untuk menjadikan komuniti ini tempat yang lebih baik.

Turut hadir pada program berkenaan ialah Penyelaras JKKK PBSM Randai Miang, ahli JKKK PBSM VP Govindasamy dan kakitangan PBSM Zaiful Abdullah.



**PRIHATIN:** Wakil PBSM menyerahkan bantuan kepada pesakit buah pinggang dari Kampung Lusut yang menjalani rawatan dialisis di Pusat Dialisis Miri kelmarin.



TAJUK :	PEMILIHAN PANDELELA SEBAGAI IKON PERPADUAN NEGARA SELARAS DENGAN KONSEP MALAYSIA MADANI		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	15 JUN 2023	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Pemilihan Pandelega sebagai ikon perpaduan negara selaras dengan konsep Malaysia Madani

**KUCHING:** Pemilihan ratu terjun negara Datuk Pandelega Rinong sebagai ikon perpaduan negara adalah selaras dengan konsep Malaysia Madani, kata Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti itu berpendapat konsep Madani menggalakkan kemajuan dari segi pemikiran.

Konsep itu juga katanya menyemai nilai kekeluargaan yang baik ke arah pembinaan masyarakat sejahtera dan segalanya ada pada Pandelega.

“Beliau (Pandelega) mempunyai nilai empati dan akhlak yang baik. Beliau berhak mendapat pengiktirafan itu.

“Sayajugapercayapengiktirafannya berdasarkan akhlak dan budi pekerti yang baik

dalam menunjukkan dirinya sebagai seorang wanita yang berkemahiran.

“Oleh itu kita bukan sahaja memerlukan seorang atlet yang hebat dalam sukan tetapi kita memerlukan seorang atlet yang mempunyai keseimbangan dari segi potensi dan kemahiran lain,” tambahnya.


Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Kolej Universiti i-CATS dan rakan strategik i-CATS di sini, semalam.

Ratu terjun negara Pandelega ‘didedahkan’ sebagai ikon perpaduan negara pada sesi soal jawab yang diadakan pada persidangan Dewan Rakyat di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, selain pemimpin, artis dan legenda sukan, kementeriannya kini turut menjadikan Pandelega sebagai ikon untuk mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan rakyat.

“Sekarang kita lihat peranan pun jadi ikon, kita letak dia dalam agensi di bawah kita seperti Pandelega supaya dia jadi ikon dalam Kementerian Perpaduan Negara,” katanya ketika bersidang.

Beliau menjawab soalan tambahan Aminolhuda Hassan (PH-Sri Gading) yang ingin tahu sama ada kementerian berhasrat untuk menerbitkan sebuah filem pendek mengenai kisah legenda sukan bagi memupuk perpaduan seperti yang dirancangkannya.



TAJUK : PENIPUAN DALAM TALIAN: DUA WANITA ANTARA ENAM INDIVIDU DITAHAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 15 JUN 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Penipuan dalam talian: Dua wanita antara enam individu ditahan

**KUALA LUMPUR:** Enam individu termasuk seorang warga China ditahan kerana disyaki terlibat dengan kegiatan 'Calling Centre' penipuan dalam talian di sekitar Kajang, Selangor, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kajang ACP Mohd Zaid Hassan berkata, mereka yang terdiri daripada empat lelaki dan dua wanita yang berumur 25 hingga 38 tahun itu ditahan di sebuah rumah dan pihaknya turut merampas 19 unit telefon bimbit, empat unit komputer riba, dua unit 'router Internet' dan satu set kunci rumah.

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati 'calling centre' atau pusat panggilan itu menjalankan kegiatan

penipuan dalam talian dengan menawarkan pelaburan saham di negara China yang tidak wujud yang menyasarkan mangsa warga China.

"Sindiket ini menggunakan akaun-akaun palsu snowball finance melalui laman web Xueqiu iaitu <https://xueqiu.com> yang merupakan antara rangkaian sosial kewangan paling popular dalam kalangan pelabur di China untuk mencari mangsa di negara itu seterusnya menawarkan pelaburan dalam talian.

"Kesemua suspek itu dibawa ke Mahkamah Kajang bagi tujuan permohonan reman untuk membantu siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Zaid mengingatkan mana-mana individu agar tidak bekerja dengan sindiket penipuan dalam talian dan menjadikan pekerjaan di pusat panggilan penipuan dalam talian sebagai sumber pendapatan.

"Pekerjaan seperti ini ialah satu kesalahan jenayah dan mereka yang terlibat boleh dituduh di mahkamah. Polis akan mengambil tindakan kepada mana-mana individu yang terlibat," katanya.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kegiatan 'calling centre' boleh menghubungi talian hotline Ibu Pejabat Daerah Kajang iaitu 03-89114242. — Bernama



TAJUK :	PESARA GURU RUGI RM739,050 DITIPU SINDIKET 'PHONE SCAM'		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	15 JUN 2023	M/SURAT :	01
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Pesara guru rugi RM739,050 ditipu sindiket 'Phone Scam'

**KUCHING:** Seorang pesara guru mengalami kerugian RM739,050 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan 'Phone Scam' baru-baru ini.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri berkata, wanita berusia 63 tahun terbabit telah menerima panggilan telefon daripada suspek lelaki yang mendakwa dirinya pegawai polis pada 6 Mei lepas.

Menurutnya, suspek terbabit kemudian mengatakan mangsa ada terlibat kes pengubahan wang haram dan memberitahu bahawa pihak Bank Negara mahu memeriksa wang simpanannya.

"Suspek memberitahu mangsa perlu membuka akaun baharu atas nama mangsa sendiri dan memindahkan semua wang miliknya ke dalam akaun tersebut bagi tujuan siasatan.


"Mangsa yang panik kemudian membuka dua akaun baharu di bank berbeza pada 12 Mei 2023 dan memindahkan RM369,525 serta RM369,525 lagi ke kedua-dua akaun tersebut," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Mangsa kemudian diarahkan suspek memberi semua maklumat perbankan akaun baharu tersebut kepadanya.

"Mangsa hanya menyedari dirinya ditipu setelah menghubungi pihak bank dan dimaklumkan terdapat beberapa transaksi pemindahan wang keluar yang keseluruhannya berjumlah RM739,050 dari kedua-dua akaun baharunya ke akaun bank individu yang tidak dikenali," katanya.

Mangsa kemudian terus tampil membuat laporan polis berhubung kejadian.

Siasatan lanjut pihak polis masih dijalankan.



TAJUK : REMAJA MENGAMUK DI TABIKA DITANGKAP

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 15 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Remaja mengamuk di tabika ditangkap

Kejadian dilaporkan berlaku jam 8.20 pagi semalam dan telah tular di media sosial

Oleh Kepu Sidi

**SARIKEI:** Seorang remaja lelaki berusia 17 tahun ditangkap kerana mengamuk di sebuah tabika di Kampung Rajang, Belawai, semalam.

Ketua Polis Daerah Sarikei Superintenden Awang Arfian Awang Bujang berkata, kejadian dilaporkan berlaku jam 8.20 pagi dan telah tular di media sosial.

“Berdasarkan laporan awal, ketika kejadian suspek yang tidak berbaju datang secara tiba-tiba di tabika tersebut dan cuba masuk ke dalam bilik kelas namun gagal kerana pintu kelas tabika tersebut berjaya ditutup oleh guru wanita dan pembantu murid.

“Gagal dengan cubaan tersebut, suspek terbabit cuba mencari jalan lain untuk masuk ke bilik kelas tersebut dengan memecahkan tingkap dan pintu belakang bilik tabika berkenaan.

“Dalam usaha memastikan keselamatan kanak-kanak di tabika tersebut sejurus suspek berjaya masuk ke dalam bilik kelas berkenaan, guru wanita yang berusia 36 tahun tersebut telah bergelut dengan suspek dan berjaya membawa keluar suspek dari bilik kelas terbabit,” kata Awang kepada media semalam.

Sejurus berjaya dikeluarkan dari bilik tabika tersebut kata Awang, suspek cuba sekali lagi masuk ke dalam sebuah



**MENGEJUTKAN:** Suspek berjaya ditahan untuk siasatan lanjut.

“Berdasarkan laporan awal, ketika kejadian suspek yang tidak berbaju datang secara tiba-tiba di tabika tersebut dan cuba masuk ke dalam bilik kelas namun gagal kerana pintu kelas tabika tersebut berjaya ditutup oleh guru wanita dan pembantu murid.”

Superintenden Awang Arfian Awang Bujang  
Ketua Polis Daerah Sarikei

lagi bilik tabika bersebelahan namun berjaya dihalang dan ditahan oleh seorang pegawai keselamatan.

Menurut Awang, sebaik ditahan suspek telah diserahkan kepada pihak polis yang turut

dihubungi susulan kejadian tersebut.

“Tindakan suspek telah menyebabkan kerosakan beberapa barangan milik tabika tersebut seperti tingkap, pintu, pasu bunga dan lain-



**BERSELERAKAN:** Bilik kelas yang cuba diceroboh masuk oleh suspek semalam.


lain.

“Pada masa yang sama juga, guru wanita yang telah bergelut dengan suspek turut mengalami kecederaan di bahagian tangan, kaki dan belakang badan.

“Berikutan itu, suspek telah dibawa ke Mahkamah Sarikei untuk perintah reman dan kes ini akan disiasat di bawah Seksyen 427 kerana

melakukan khianat harta benda dan Seksyen 323 Kanun Keseksan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan,” ujar Awang.

Sehubungan dengan kejadian tersebut, Awang turut mengingatkan orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi tentang kes itu kerana ia masih dalam siasatan polis.



TAJUK : WANITA DIKEJUTKAN ULAR MENJALAR DI ATAS RAK KASUT

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 15 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Wanita dikejutkan ular menjalar di atas rak kasut

**MIRI:** Seorang wanita terkejut apabila melihat seekor ular menjalar di atas rak kasut ketika hendak keluar dari rumahnya di Kampung Luak, di sini kelmarin.

Bimbang atas faktor keselamatan, wanita berusia 36 tahun itu menghubungi talian kecemasan bagi meminta bantuan menangkap ular tersebut.

Maklumat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Miri berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada pengadu kira-kira jam 5.23 petang.

“Sepasukan lima anggota APM diketuai Koperal (PA) Zool Ihsan Sahari bergegas ke rumah pengadu sejurus menerima panggilan tersebut.

“Setibanya di lokasi terus berjumpa dengan pengadu untuk bertanyakan keberadaan ular tersebut dan dia mengatakan melihat ular menjalar di bahagian rak




**TUGAS KHAS:** Anggota APM menunjukkan seekor ular yang berjaya ditangkap di rak kasut kelmarin.

kasut,” katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Susulan itu, tinjauan ang-

gota APM ke lokasi dinyat- akan pengadu telah menemui seekor ular masih berada di

bahagian rak kasut rumah pengadu.



TAJUK : WARGA EMAS DALAM KESAKITAN DIKERJARKAN KE HOSPITAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 15 JUN 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Warga emas dalam kesakitan dikejarkan ke hospital

**LIMBANG:** Seorang pesakit warga emas dikejarkan ke Hospital Limbang dengan bantuan ambulans Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dari lokasi sejauh 25 kilometer dari bandar.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Limbang Leftenan (PA) Mirwan Shah Masri berkata, empat anggotanya diketuai Koperal (PA) Mohd Arif Midun bergegas ke Rumah Manggi di Kampung Menuang Baru, sebaik menerima panggilan kecemasan daripada orang awam pada jam 1 petang.

“Sebaik tiba di lokasi, mangsa, 66, terbaring di atas katil dan ahli keluarganya memaklumkan mangsa mengadu sakit dada, luka paha kiri dan tidak dapat bergerak,” katanya dalam kenyataan kelmarin.

Katanya, anggotanya membuat pemeriksaan dan terus membawa mangsa ke Hospital Limbang untuk rawatan selanjutnya

Tambah beliau, selesai tugas anggotanya bergerak balik ke Pusat Kawalan Operasi Daerah (PKOD) Limbang pada jam 2.08 petang.



**TERIMA RAWATAN:** Mangsa dihantar ke hospital menggunakan ambulans APM Limbang kelmarin.